

# Kerajaan tetap daulat bahasa

KUALA LUMPUR, Jumaat — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberi jaminan Bahasa Malaysia akan tetap didaulatkan di negara ini walaupun ada golongan mempersoalkan kemampuannya.

"Walaupun Bahasa Malaysia sudah mampu menjadi bahasa ilmiah, masih ada suara-suara daripada golongan tertentu yang menyoal kemampuannya.

"Mereka ini adalah kumpulan kecil yang tidak mahu menerima hakikat. Bagaimanapun, saya ingin menegaskan bahawa Bahasa Malaysia akan tetap didaulatkan di negara ini," kata Perdana Menteri di majlis makan malam Garena-Esso di sini malam ini.

Menurut beliau, Bahasa Malaysia juga sudah terbukti se-

bagai bahasa ilmu dan perpaduan di negara ini.

"Walaupun ada pertimbangan yang sewajarnya bagi bahasa-bahasa lain, kerajaan berbangga dengan kesedaran di kalangan rakyat mengenai pentingnya mendaulatkan satu bahasa kebangsaan," katanya.

## Murni

Perdana Menteri juga meminta sasterawan berusaha dengan lebih gigih menyemai nilai-nilai murni dan positif bagi membentuk watak yang dicita-citakan di kalangan rakyat.

Menurut beliau, walaupun sudah nampak perkembangan menggalakkan dalam usaha itu, masih banyak kelemahan

yang perlu diatasi.

"Sasterawan boleh membantu mewujudkan masyarakat yang mampu menghadapi persaingan ekonomi dan sosial serta persaingan politik, khususnya di peringkat antarabangsa.

"Kita perlukan sebuah masyarakat yang mempunyai kesanggupan menghadapi hidup yang semakin mencabar," katanya.

Menurut Perdana Menteri, negara memerlukan warganegara yang sentiasa berbangga menjadi rakyat Malaysia.

Datuk Seri Dr Mahathir berharap syarikat-syarikat swasta di negara ini akan menimbangkan kemungkinan bekerjasama dalam usaha menambah bahan bacaan pelbagai bidang ilmu.

"Usaha begini sudah tentu akan mendaulatkan Bahasa Malaysia sebagai bahasa kebangsaan, perpaduan dan ilmiah di negara kita dan juga Asia Tenggara," katanya.

Menurut beliau, masih banyak yang boleh diusahakan bagi menyediakan sumber pengetahuan ilmiah dan pelajaran dalam Bahasa Malaysia.

Perdana Menteri, berkata masyarakat keseluruhannya menghargai perjuangan dan pengorbanan sasterawan dan penulis dalam usaha membela nasib bangsa dan negara.

"Sumbangan penulis dan sasterawan kepada perjuangan kemerdekaan tercatat dengan tinta emas," tegas beliau.